


# IQRA'

BIL. 10/2025  
OKTOBER



## Program Pemantapan Destini Siswa & Taklimat Akademik Pelajar Semester Satu Fakulti Undang- Undang

**Disediakan oleh :** Masnida Hanim Che Mahmood PTAR Shah Alam

**Tarikh :** 11 Oktober 2025



Perpustakaan Tun Abdul Razak Undang-Undang (PTUU) telah mengadakan Taklimat Slot Perpustakaan sempena Minggu Destini Siswa Pelajar Pascasiswazah Fakulti Undang-Undang (FUU), bertempat di Auditorium 2, Kompleks Al-Farabi, Fakulti Undang-Undang.

Taklimat yang berlangsung dari jam 10.15 pagi hingga 11.00 pagi ini disampaikan oleh Ketua PTUU, Puan Masnida Hanim Che Mahmood.

Sesi ini diadakan adalah untuk memperkenalkan PTAR Undang-Undang dan memberi penerangan secara ringkas berkenaan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pengguna. Antara pengisian utama ialah pendedahan kepada sumber maklumat yang relevan, teknik pencarian maklumat secara efektif, penggunaan PERMATA Mobile App, serta penerokaan platform digital lain seperti PERMATA Search.

Semoga perkongsian yang telah disampaikan ini dapat membantu para pelajar baharu menyesuaikan diri di kampus dan dapat menggunakan semua kemudahan yang disediakan di PTUU dalam mencari bahan pembelajaran dan penyelidikan dengan sebaiknya.

# BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
SHAH ALAM



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Abdul Razak



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

## Hubungi kami:



03 5521 1704



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Korporat dan Kolaborasi,  
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),  
UiTM Shah Alam.



[library.uitm.edu.my](http://library.uitm.edu.my)